

# Strategi capai universiti terbaik dunia

**QS WUR: Pencapaian berdasarkan enam indikator yang ditetapkan**

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin  
khairul.anam@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penarafan Quacquarelli Symonds World University Rankings (QS WUR) adalah sistem penarafan yang digunakan untuk mengenal pasti 1000 universiti terbaik di dunia, di samping menyediakan perbandingan data yang menyeluruh dan antara penarafan paling di rujuk pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya (UM) terus mengekalkan kecemerlangannya apabila menduduki tempat ke-99 dalam penarafan universiti dunia, sekali gus berada dalam kelompok 60 universiti teratas menerusi laporan QS World University 2021, baru-baru ini. Pencapaian membanggakan diraih universiti (terusan negara) itu berdasarkan kemampuan mengekalkan prestasinya dalam empat daripada enam keseluruhan indikator penilaian ditetapkan merangkumi reputasi akademik, reputasi majikan, rujukan setiap fakulti, nasib fakulti/pelajar, nisbah fakulti antarabangsa dan nisbah pelajar antarabangsa.

Nai Canselor UM, Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hashim, berkata penyertaan universiti itu dalam sistem penarafan tersebut adalah bertujuan untuk memanda aras dan memantapkan kedudukan UM agar setaraf dengan institusi pengajian tinggi (IPT) terkemuka lain dari seluruh dunia.

Beliau berkata, ia juga bagi membolehkan UM melihat hal tuju universiti hari ini agar berada pada landasan betul, selain untuk membuat perancangan strategik yang lebih baik pada masa hadapan.

Katanya, komitmen seluruh warga universiti penting dalam memastikan UM terus maju ke hadapan sejajar dengan Pelan Strategik Universiti dengan memberi penekanan kepada akademik, pentadbiran, penyelidikan, pelajar, infrastruktur dan fasiliti, sumber manusia serta kemampuan kewangan, pada masa sama turut menekankan aspek pementakan dan penilaian prestasi.

“UM juga mempunyai budaya kerja yang amat cemerlang dalam pengajaran, pembelajaran



Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hashim



Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris

dan penyelidikan di mana sejak dari 2012 lagi, universiti ini sentiasa memastikan penekanan kepada beberapa aspek tertentu yang dilihat mampu membantu UM untuk terus gah di persada antarabangsa.

“Antaranya, menyediakan dana khas kepada pusat penyelidikan yang berpotensi untuk menjalakan penyelidikan bertaraf dunia, di samping mempergiatkan kolaborasi penyelidikan di antara staf akademik dengan pihak industri,” katanya kepada *BH* Wartu.

Mengulas mengenai perancangan universiti untuk memastikan kecemerlangan terus dipertahankan, Abdul Rahim menjelaskan, UM sedang merangka Pelan Strategik baharu bagi tempoh 2021 hingga 2025 iaitu memberi penekanan kepada beberapa aspek penting termasuk merangka strategi bagi memastikan kemampuan kewangan dan penjaminan pendapatan universiti.

Beliau berkata, UM juga akan meningkatkan kerjasama antarabangsa universiti di mana tumpuan juga akan diberi kepada penyelidikan strategik dan rakan kerjasama industri yang memfokuskan kepada penyelesaian isu global yang memberi impak kepada masyarakat, malah strategi itu diharapkan akan dapat melahirkan future *proof* graduate yang mampu menghadapi cabaran yang smpu menemui keperluan tenaga kerja masa hadapan.

No	Institusi Pendidikan Tinggi	QS - WUR 2020	QS - WUR 2021
1	UM	70	59
2	UPM	159	132
3	UKM	160	141
4	USM	165	142
5	UTM	217	187
6	Taylor's University	511-620	379
7	USCI University	442	391
8	UTP	482	439
9	UUM	591-600	531-540
10	MSU	641-550	551-560
11	UIAM	651-700	601-650
12	UTM	651-700	651-700
13	Sunway University	751-800	701-750
14	UNITEN	801-1,000	701-750
15	UMP	751-800	751-800
16	MMU	801-1,000	801-1,000
17	UNIMAS	801-1,000	801-1,000
18	UTAR	801-1,000	801-1,000
19	UniMAP	701-750	801-1,000
20	UMS	801-1,000	801-1,000

Senarai 20 institusi pendidikan tinggi Malaysia dalam QS World University Rankings (QS - WUR) 2021, ihsan Facebook Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Kami juga percaya penyelidikan yang dijalankan bukan semata-mata untuk tujuan penyelidikan atau penerbitan sahaja tetapi yang benar-benar dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan kemashlahan untuk semua.

“Justeru, dalam pelan strategik yang baharu, UM akan terus mempergiatkan lagi usaha untuk menghasilkan *output* yang berimpak dan berkualiti tinggi daripada setiap penyelidikan agar dapat menyumbang kepada kesejahteraan, pembangunan masyarakat, negara serta manusia secara amnya,” katanya.

Sementara itu, Nai Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Darin Paduka Dr Aini Ideris, berkata penilaian pencapaian melalui semua indikator dalam QS WUR itu penting kerana membolehkan perbandingan dan pemanda aras dengan semua universiti terkemuka lain di dunia di mana semua mengiktiraf serta mengguna pakai indikator penilaian yang sama.

Beliau berkata, kebanyakan indikator berkenaan adalah

selari dengan misi dan visi universiti, selain sudah termaktub dalam Pelan Strategik serta Pelan Transformasi UPM.

“Antara kepentingan ranking ini termasuk dapat memberikan visibiliti dan pengiktirafan pada peringkat antarabangsa, boleh dijadikan platform untuk menilai dan membuat pemanda aras dengan universiti terbaik dunia, kedudukan ranking yang baik boleh menarik minat lebih ramai pelajar serta staf antarabangsa, di samping boleh membantu mewujudkan lebih banyak kolaborasi strategik.

“Namun, saya juga bersetuju QS WUR ini tidak sepenuhnya menentukan pencapaian sesebuah universiti, contohnya pengalaman pelajar tidak diukur dalam ranking sedangkan persepsi pelajar penting untuk reputasi sesebuah universiti. Selain itu, sumbangan melalui aktiviti sosial, komunitarian dan kesukarelawan juga penting dalam meningkatkan reputasi universiti dari perspektif masyarakat, industri, serta alumni di mana tidak diambil kira oleh

badan penarafan dunia ini,” katanya.

Mengenal kejayaan UPM berada pada kedudukan 132 universiti terbaik di dunia berbanding 159 pada tahun lalu, Prof Aini menjelaskan ia adalah hasil kerjasama dan komitmen seluruh warga universiti yang beriltizam untuk meletakkan UPM pada kedudukan yang terbaik di dunia selari dengan visi UPM iaitu menjadi universiti berprestasi antarabangsa.

“Bagi memastikan kecemerlangan UPM dapat dipertahankan, universiti memperkenalkan beberapa inisiatif, antaranya mengubal Pelan Transformasi Melangkaui 2025 di mana pelan ini menetapkan lima matlamat utama.

“Antara menjana graduan kalis masa depan, membina bandar pendidikan yang mesra alam, melentari dan meraliskan Serdang Atrapolis dalam mendepani pendidikan pertanian dan sekuriti makanan, meraikan keserakan dan permufakatan dengan institusi di Serdang,” katanya.